

DR. Mahathir rasmi sidang Umno K. Langat

BANTING, Khamis.—
Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kuala Langat pada 17 Mei di Dewan Seri Jugra, Telok Datuk.

Demikian dinyatakan oleh Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Langat, Encik Abdul Samad Maharuddin hari ini.

Sementara itu mesyuarat agung Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian itu akan diadakan di Dewan Panglima Garang pada 1 Mei yang akan dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Hormat Raf'e'i. —
Bernama.